

15 JAN 2003

Mahathir-Kelantan

DR MAHATHIR JANJI BAWA PERUBAHAN KEPADA RAKYAT KELANTAN

KOTA BAHARU, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berjanji kepada rakyat Kelantan untuk mengubah keadaan negeri ini kepada tahap yang lebih baik jika mereka memberi kemenangan kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata beliau sedih setiap kali tiba di Kelantan kerana tidak ada perubahan malah keadaan bertambah buruk, kotor dan perniagaan masih dijalankan secara kecil-kecilan.

"Tuan-tuan dan puan-puan, tolonglah janganlah beri peluang sekali lagi (kepada PAS)," katanya ketika berucap di hadapan ribuan orang pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Maktab Sultan Ismail di sini.

Perdana Menteri, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, adalah dalam lawatan kerja dua hari ke negeri ini.

Dr Mahathir berkata rakyat yang mengundi pihak yang tidak mampu membawa perubahan seolah-olah mengundang malapetaka kepada diri sendiri dan negeri.

"Kita nak cari kemenangan di sini (Kelantan), jadi janganlah bawa malapetaka kepada diri kita kerana kita diajar untuk membenci dan ikut nafsu maka kita pun undi orang itu... undi orang itu tak dapat apa, undilah Barisan Nasional," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat perlu menolak PAS kerana parti itu tidak memperjuangkan Islam sebaliknya Umno yang berjuang untuk Islam.

"...yang berjuang untuk menentang Islam ialah PAS kerana sejak ada PAS, orang Melayu berpecah. Pada zaman British, orang Melayu tidak berpecah," katanya.

Menurutnya rakyat perlu ingat bahawa pihak yang memperjuangkan Islam dan dihormati dunia sebagai pejuang Islam ialah Umno.

"Inilah Umno, pejuang agama Islam yang diiktiraf oleh seluruh dunia, mereka kata Malaysia negara contoh bagi negara Islam lain, siapa beri Malaysia negara contoh...tentulah Umno," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan BN yang ditunjangi oleh Umno terbukti mampu mentadbir dan membangunkan negara dengan jayanya sehingga disegani negara luar.

Kejayaan itu, katanya dicapai kerana kerajaan mempunyai perancangan yang baik dan melaksanakan perancangan itu dengan teratur tanpa melakukannya mengikut nafsu dan hanya untuk melepas geram.

Beliau berkata Malaysia kini muncul sebagai negara membangun yang termaju sekali dengan mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh.

Ramai pakar asing termasuk pakar ekonomi yang berkunjung ke Malaysia kagum dengan pembangunan di Malaysia walaupun pada masa yang sama, negara lain mengalami kemerosotan ekonomi, kata beliau.

Perdana Menteri berkata perancangan bijak kerajaan dengan bersikap tidak bergantung kepada negara maju dalam menyelesaikan masalah membangun negara membolehkan Malaysia mengkritik mana-mana pihak termasuk kuasa besar.

"Sekarang ini, kita tidak bersetuju dengan usaha untuk menyerang Iraq...tidak ada negara maju membantah serangan ke atas Iraq," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga berhasrat untuk membawa pesakit rakyat Palestin mendapatkan rawatan di negara ini sebagai sebahagian daripada usaha membantu saudara seagama dan atas dasar perikemanusiaan.

"Kita harus berani walaupun dikecam kerana ini untuk perikemanusiaan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia berkemampuan berbuat demikian tetapi tidak banyak negara lain yang sanggup membantu demi perikemanusiaan.

Perdana Menteri turut meminta rakyat berusaha sedaya upaya menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan demi memajukan diri dan negara.

Beliau berkata Islam sendiri mengajar umatnya supaya menguasai ilmu pengetahuan kerana dengan ilmu itulah dapat menyediakan alat pertahanan serta membangunkan negara.

Beliau meminta rakyat supaya memberi tumpuan kepada penguasaan Bahasa Inggeris kerana terdapat banyak ilmu yang ditulis dalam bahasa universal itu.

-- BERNAMA

BD NAK